

KES T-446-2008 DALAM TRIBUNAL KOPERASI MALAYSIA
DI KUALA LUMPUR, DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA

ANTARA

KOPERASI PELADANG SERBAGUNA BUKIT PELANDOK BERHAD

PEMOHON

DAN

HARRY THOMAS A/L ESAREWEL

RESPONDEN

ALASAN AWARD

Latar Belakang

1. Tuntutan Pemohon terhadap Responden adalah berkaitan dengan pinjaman sebanyak RM5,000.00 yang Pemohon mendakwa ia telah berikan kepada Responden pada 17.10.2002 daripada Pemohon. Pemohon telah mengemukakan baucer pengakuan penerimaan wang pinjaman tersebut yang telah ditandatangani oleh Responden bersama-sama dengan Borang A yang difailkan oleh Pemohon. Menurut baucer pembayaran tersebut yang ditanda sebagai Exhibit P1, RM4,000 telah diberikan melalui cek bernombor 224643 dan RM1,000 lagi diberi secara tunai kepada Responden.

Pembuktian Kes oleh Pemohon

2. Dalam borang permohonan pinjaman Responden iaitu P2, Responden menyatakan bahawa dia membuat permohonan pinjaman itu untuk perkahwinan kakaknya. SP1, iaitu Bendahari Pemohon pada masa ini memberi keterangan menyatakan bahawa Responden telah membuat bayaran sebanyak RM298.00 setiap kali untuk empat kali dan bagi kali kelima, Responden hanya membayar RM200.00 sahaja bagi menyelesaikan tunggakan pinjaman tersebut.

3. Pemohon telah mengemukakan resit bagi bayaran-bayaran tersebut dan ditanda sebagai Exhibit P3(a), P3(b), P3(c), P3(d) dan P3(e). Tunggakan jumlah baki pinjaman dan faedah yang dihutang oleh Responden setakat 30.4.2008 adalah RM6,607.66 seperti mana dituntut dalam Borang A.

4. Dalam usahanya mengutip balik tunggakan tersebut, SP1 menyatakan bahawa dia telah pergi ke pejabat Responden di Seremban sebanyak 3 kali. Pada kali pertama dan kedua, SP1 tidak dapat bertemu dengan Responden tetapi pada kali ketiga dia berjaya berjumpa dengan Responden iaitu dalam tahun 2006. Semasa bertemu dengan Responden pada masa itu, SP1 menyatakan bahawa Responden berjanji akan meminta bapanya untuk pergi ke pejabat Pemohon bagi maksud menyelesaikan keseluruhan hutang tersebut.

5. Selepas pertemuan tersebut, SP1 menyatakan bahawa kerani Pemohon ada memberitahunya bahawa Responden telah hadir ke pejabat Pemohon dan membayar RM200.00 dalam tahun 2006. SP2 iaitu kerani Pemohon mengesahkan bahawa bayaran sebanyak RM200.00 telah diterima olehnya daripada Responden. SP2 juga dapat mengecamkan Responden sebagai orang yang hadir di pejabatnya untuk membuat pembayaran tersebut.

6. SP1 telah mengemukakan bapa Responden yang menghadiri pendengaran pertikaian ini pada 5 Oktober 2010. Mengikut SP1, pada 24.9.2010, dia telah pergi ke rumah Responden untuk menghantar Notis Pendengaran (Borang C) dan telah berjumpa dengan bapa Responden pada hari itu. Bapa Responden memberitahu SP1 bahawa Responden sedang bekerja di Kuala Lumpur. Semasa pemeriksaan balas, SP1 menyatakan bahawa En Easiah Joseph iaitu Setiausaha dan juga pemangku Bendahari Pemohon sebelum dari tahun 2006 adalah abang kepada bapa Responden.

Hujahan Responden

7. Mengikut hujahan Responden, Pemohon tidak dapat membuktikan bahawa dia telah menerima wang pinjaman tersebut kerana cek bernombor 224643 telah tidak dikemukakan. Pada pendapat Tribunal Koperasi ini, kegagalan mengemukakan cek tersebut tidak memprejudiskan kes Pemohon. Ini adalah kerana Pemohon boleh membuktikan kesnya dengan cara yang lain.

8. Jikapun Pemohon ada mengemukakan cek tersebut, kemungkinan besar cek itu adalah cek tunai dan oleh itu tidak dapat membuktikan orang yang telah mengambil wang pinjaman itu. Penghujahan Responden adalah bahawa Pemohon tidak dapat membuktikan kesnya kerana mengikut keterangan SP1, pada masa En Easiah menjawat jawatan Pemangku Bendahari, cek tunai ataupun wang tunai akan diberikan kepada peminjam dan dia juga akan mengambil cek tersebut dan berikan cek itu kepada peminjam. Oleh kerana Encik Easiah telah meninggal dunia, maka dia tidak dapat memberi pengesahan sama ada dia telah memberikan cek dan wang tunai itu kepada anak saudaranya iaitu Pemohon.

Hujahan Pemohon

9. Pemohon pula bergantung kepada keterangan SP1 di mana SP1 telah berjumpa dengan Responden dan Responden telah bersetuju meminta bapanya pergi ke pejabat Pemohon untuk menyelesaikan keseluruhan hutang pinjaman yang tertunggak. Responden juga tidak menyatakan bahawa dia tidak terima wang pinjaman itu pada masa SP1 berjumpa dengannya. Keterangan SP2 bahawa Responden telah hadir di pejabat Pemohon dan membuat bayaran selepas pertemuannya dengan SP1 juga dapat mengesahkan bahawa Responden ada berhutang kepada Pemohon. Jika tidak, maka dia tidak akan membuat bayaran terhadap hutang pinjaman tersebut.

Kegagalan Responden Memanggil Saksi

10. Oleh kerana Pemohon telah berjaya membuktikan bahawa Responden ada mendapat pinjaman daripada Pemohon, maka Responden haruslah membuat pembelaannya bagi menunjukkan bahawa dia tidak menerima pinjaman tersebut. Akan tetapi, Responden telah tidak memanggil saksi bagi membela dirinya sendiri dan dia sendiri juga tidak memberi keterangan bersumpah. Responden tidak secara khusus menafikan keterangan SP1 mengenai janjinya dalam pertemuan dengannya.

11. Pada pendapat Tribunal ini, pengakuan Pemohon bahawa dia telah membuat permohonan untuk pinjaman tersebut tetapi telah diberitahu oleh bapa saudaranya En Easiah bahawa tiada wang di dalam Koperasi untuk memberi pinjaman tersebut kepadanya tidak dapat diterima sebab jika sebenarnya demikian, dia akan menarik balik atau membatalkan permohonan

pinjamannya ataupun dia akan memberi penjelasan dari mana dia mendapat sumber pinjaman yang lain.

12. Pemohon juga telah tidak memanggil bapanya sebagai saksi untuk mempertikaikan keterangan SP1 dan Pemohon sendiri juga tidak memberi keterangan jelas dan bersumpah bahawa dia tidak pernah berjumpa dengan SP1 ataupun memberitahu SP1 bahawa dia akan meminta bapanya pergi ke pejabat Pemohon untuk menyelesaikan hutang pinjaman itu. Di sebaliknya, SP2 telah memperkukuhkan keterangan SP1 bila dia memberi keterangan bahawa Responden telah hadir di pejabat Pemohon untuk membuat bayaran RM200.00 dalam tahun 2006.

Kegagalan Responden Mengemukakan Dokumen Relevan

13. Berkenaan dengan pertikaian Pemohon bahawa tanda tangannya yang tidak sama terdapat dalam dokumen yang dikemukakan, Pemohon sendiri ada mengaku bahawa dia ada menukarkan tanda tangannya dari semasa ke semasa. Maka berdasarkan atas pengakuan itu, pertikaian tersebut telah tidak konklusif. Pemohon harus menunjukkan bahawa pada masa material, tandatangannya adalah sedemikian rupa dengan mengemukakan dokumen yang telah ditandatanganinya pada masa yang material sebagai bandingan. Akan tetapi, tiada apa-apa dokumen dikemukakan oleh Responden sepanjang pendengaran kes ini.

Kegagalan Responden Memfailkan Borang B

13. Responden juga tidak menfailkan Borang B iaitu pembelaannya. Oleh ini, Responden tidak mengemukakan pembelaannya bahawa tiada pinjaman yang diberikan oleh Pemohon kepadanya dengan seawal mungkin.

Keputusan Tribunal Koperasi

14. Berdasarkan kepada keterangan keseluruhannya, Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa Pemohon telah membuktikan kesnya dan dengan sebulat suara memutuskan bahawa Responden hendaklah membayar tuntutan Pemohon sebanyak RM6,607.66 dengan faedah pada kadar 6% setahun dari 30.4.2008 sehingga tarikh penyelesaian penuh oleh Responden.

Bertarikh pada 15 April 2011

Puan Tan Ghee Phaik

Pengerusi Tribunal Koperasi Malaysia

Saya bersetuju dengan Alasan Award di atas.

Anggota Panel SKM - Puan Rosmawati binti Hasan

Saya bersetuju dengan Alasan Award di atas.

Anggota Panel Koperasi - Tuan Khalid bin Abdul Hamid